

**DEFINISI SYARIKAT BUMIPUTERA SABAH
(Kriteria ini berkuatkuasa mulai 26 Mei 1998)**

- i. **Pemilikan Saham Syarikat:**
Sekurang-kurangnya 51% dimiliki oleh Bumiputera Sabah di mana pemilikan saham individu Bumiputera Sabah hendaklah melebihi saham individu bukan Bumiputera;
- ii. **Lembaga Pengarah Syarikat:**
Sekurang-kurangnya 51% dipegang oleh Bumiputera Sabah;
- iii. **Jawatan Ketua Eksekutif, Pengarah urusan atau Pengurus Besar dan Jawatan Penting Lain (key post):**
Hendaklah dipegang oleh Bumiputera;
- iv. **Pekerja Syarikat:**
Sekurang-kurangnya 51% hendaklah terdiri dari Bumiputera Sabah atau nisbah 2:1;
- v. **Pengurusan Kewangan:**
Hendaklah dikuasai oleh Bumiputera;
- vi. **Carta Organisasi dan fungsi pengurusan Syarikat:**
Hendaklah menunjukkan penguasaan sepenuhnya oleh Bumiputera Sabah.

**SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN
PERNIAGAAN/ SYARIKAT BUMIPUTERA
SABAH**

1. Bagi Perniagaan Perseorangan

- a. Lengkapkan borang KPSKTM/SB/1A (Pin.1/02) (harga borang ialah RM2.00).
- b. Sertakan salinan dokumen-dokumen berikut:-
 - Lesen Perniagaan.
 - Surat beranak pemilik. Jika tidak memiliki surat beranak dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan seperti surat beranak adik-beradik (sekiranya adik-beradik tidak mempunyai surat beranak hendaklah membuat surat akuan bersumpah di hadapan Majistret), surat beranak anak-anak dan surat sokongan/pengehasan bangsa daripada Ketua Daerah dan Ketua Kampung.
 - Kad pengenalan pemilik.
 - Sijil-sijil kursus perniagaan/bidang yang bersesuaian yang pernah dihadiri.
- c. Syarat-syarat permohonan:-
 - Semua dokumen yang dikemukakan di para "1b" butir 2 dan 3 hendaklah disahkan benar oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

- Bagi pemohon berkelulusan setakat SPM, perlu mengikuti kursus anjuran Kementerian. Kursus-kursus anjuran MECD (PKK), CIDB dan Sedcovest boleh juga dipertimbangkan.

2. Bagi Perniagaan Perkongsian

- a. Lengkapkan borang KPSKTM/SB/1B (Pin1/01) (harga borang ialah RM2.00)
- b. Sertakan salinan dokumen-dokumen berikut:-
 - Lesen Perniagaan.
 - Surat Beranak para pemilik. Jika tidak memiliki surat beranak dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan seperti surat beranak adik-beradik (sekiranya adik-beradik tidak mempunyai surat beranak hendaklah membuat surat akuan bersumpah di hadapan Majistret), surat beranak anak-anak dan surat sokongan/pengehasan bangsa daripada Ketua Daerah dan Ketua Kampung.
 - Kad pengenalan para pemilik.
 - Surat perjanjian perkongsian syarikat yang telah didaftarkan.
- c. Syarat-syarat permohonan:-
 - Semua dokumen yang dikemukakan di para "2b" butir 2 dan 3 hendaklah disahkan benar oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

- Bagi pemohon berkelulusan SPM, perlu mengikuti kursus anjuran kementerian ini. Kursus-kursus anjuran MECD (PKK), CIDB dan Sedcovest boleh juga dipertimbangkan.

3. Bagi Syarikat Sendirian Berhad

- lengkapkan borang KPSKTM/SB/1C (Pin1/01) (harga borang ialah RM2.00)
- Sertakan dokumen-dokumen berikut:-
 - Lesen perniagaan.
 - Surat Beranak para pemilik. Jika tidak memiliki surat beranak dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan seperti surat beranak adik-beradik (sekiranya adik-beradik tidak mempunyai surat beranak hendaklah membuat surat akuan bersumpah di hadapan Majistret), surat beranak anak-anak dan surat sokongan/pengesahan bangsa daripada Ketua Daerah dan Ketua Kampung.
 - Kad pengenalan pemilik.
 - Borang 24 (Return of Allotment of Shares)
 - Borang 9 (Perakuan Perbadanan Syarikat Sdn Bhd)
 - Borang 49 (Return giving Particulars in Register of Directors, Managers and Charger of Particulars).
 - Sijil-sijil Saham (Shares Certificates).
- Syarat-syarat permohonan:-

- Modal berbayar syarikat tidak kurang dari RM10,000.00.
- Semua dokumen yang dikemukakan di para "3" butir 2 dan 3 hendaklah disahkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.
- Semua dokumen yang diperolehi dari Pendaftar Syarikat hendaklah disahkan benar oleh Setiausaha Syarikat yang bertauliah.
- Bagi pemohon berkelulusan SPM, perlu mengikuti kursus anjuran kementerian ini. Kursus-kursus anjuran MECD (PKK), CIDB, dan Sedcovest boleh juga dipertimbangkan.

**UNTUK KETERANGAN LANJUT SILA
HUBUNGI:-**

UNIT STATUS BUMIPUTERA SABAH
Aras Bawah
Wisma Bandaraya
88000 KOTA KINABALU

Telefon: 088-288332

PANDUAN AM



PENDAFTARAN DAN PENGIKTIRAFAN PERNIAGAAN/SYARIKAT BUMIPUTERA SABAH

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Aras Bawah, Tingkat 8-11, dan 13
Wisma Bandaraya
Jalan Masjid Lama
88000 KOTA KINABALU

Telefon : 088-288325/326/327
Faks : 088-269071
Laman web : www.kpsktm.sabah.gov.my